



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
CAWANGAN TAWAU
TINGKAT 4, WISMA PERSEKUTUAN
91000 TAWAU, SABAH.

Tel : 089-775 620, 775 621, 762 750
Faks : 089-773 688
Web : <https://tawau.anm.gov.my>



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JANM(TAW).900-1 JLD.16 (3)
Tarikh : 21 Julai 2023

Ketua Jabatan
Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Daerah Tawau / Kunak / Semporna / Lahad Datu.

Tuan/Puan,

KETIDAKPATUHAN ARAHAN PERBENDAHARAAN (AP) 95(a) BAGI PENGELUARAN PESANAN KERAJAAN / TANGGUNGAN KONTRAK BEKALAN/PERKHIDMATAN DAN INDEN KERJA DI SISTEM ePEROLEHAN DAN iGFMS SERTA PENAMBAHBAIKAN PROSES KELULUSAN BAGI PERMOHONAN PEMBAYARAN MELALUI INVOIS TANPA PESANAN KERAJAAN (INVOIS TANPA PK) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan/puan, Pesanan Kerajaan (bekalan & perkhidmatan), dan Tanggungan Kontrak (bekalan & perkhidmatan) perlu dibuat pertanggungan sebelum bekalan/perkhidmatan bermula melalui sistem ePerolehan, manakala bagi Inden Kerajaan (Kerja), pertanggungan hendaklah dibuat melalui sistem iGFMS sebelum kontrak tamat / kerja selesai.
3. Jabatan ini telah mendapati bahawa terdapat isu berkenaan pesanan kerajaan serta tanggungan kontrak bekalan/perkhidmatan dan Inden Kerajaan yang tidak dibuat pertanggungan pada sistem iGFMS atau ePerolehan (eP) mengikut peraturan semasa. Perkara ini adalah tidak selaras dengan **AP 95(a)** dan **AP 169(D)(d)**.
4. Lanjutan itu, Kementerian Kewangan (MOF) melalui rujukan surat MOF.BPK (S) 600-14/28/2 (6) bertarikh 25 November 2022 telah menurunkan kuasa kepada Pegawai Pengawal untuk meluluskan permohonan pembayaran melalui Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan bagi kes Pesanan Kerajaan yang tidak dikeluarkan di sistem eperolehan **sebelum bekalan/perkhidmatan bermula**. Syarat-syarat yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:
 - i. Permohonan pembayaran Invois Tanpa PK bernilai kumulatif sehingga RM1 juta (tanpa had bilangan invois) bagi setiap satu kontrak/perolehan; dan
 - ii. Permohonan pembayaran Invois Tanpa PK bagi tahun semasa dan tahun sebelum sahaja (contoh: tahun semasa 2023, setahun sebelum – tahun 2022)
5. Sehubungan itu, semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan JANM Cawangan Tawau diminta untuk mengambil tindakan selanjutnya jika berlaku ketidakpatuhan seperti di **Lampiran A**.

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JANM(TAW).900-1 JLD.16 (3)
Tarikh : 21 Julai 2023

6. Justeru, PTJ perlu mematuhi kandungan surat MOF tersebut dan merujuk kepada kementerian masing-masing untuk memastikan pembayaran adalah teratur dan lancar serta mengelakkan sebarang kelewatan pembayaran kepada pembekal.
7. Bersama-sama ini dilampirkan surat MOF bertarikh 25 November 2022 yang telah diedarkan kepada setiap kementerian untuk perhatian tuan/puan.
8. Kerjasama dan perhatian tuan/puan dalam mematuhi peraturan kewangan yang telah ditetapkan amatlah dihargai.


Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan'

Saya yang menjalankan amanah,


(NIZAM BIN LIMUN C.A(M), ACMA, CGMA)

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Cawangan Tawau

LAMPIRAN A

BIL	PERKARA	PERTANYAAN	MAKLUM BALAS PEMILIK ARAHAN PERBENDAHARAAN / PEKELILING PERBENDAHARAAN BERKAITAN PEROLEHAN
1.	Tanggungan Kontrak	<u>Kelewatan menerima Peruntukan</u> Bagi kontrak yang sedang berkuatkuasa (contoh: pembersihan pejabat), PTJ tidak dapat mengeluarkan tanggungan kontrak ePerolehan bagi bulan Jan-Mac 2023 kerana peruntukan belum diterima. Peruntukan hanya diterima pada 3 April 2023. Senario 1: PTJ telah menerima invois secara manual bagi bulan Jan-Mac 2023 Senario 2: PTJ belum menerima invois secara manual & online bagi bulan Jan-Mac 2023 Bolehkah PTJ mengeluarkan tanggungan kontrak ePerolehan (perkhidmatan bulan Jan-Mac 2023) dalam bulan April 2023 memandangkan peruntukan lewat diterima bagi Senario 1 & 2? Jika tidak dibenarkan, adakah PTJ perlu mendapatkan kelulusan Pegawai Pengawal untuk pembayaran perkhidmatan bulan Jan-Mac 2023 menggunakan modul Invois Tanpa PT?	Agensi perlu melaksanakan kaedah pembayaran Invois tanpa PT dengan kelulusan Pegawai Pengawal disebabkan tanggungan tidak dilaksanakan bagi perolehan bulan Januari sehingga Mac. (Rujuk surat MOF rujukan MOF.BPK (S) 600-14/28/2 (6) bertarikh 25 November 2022).
2.	Pelarasan amaun selepas Pesanan Kerajaan bagi Pembelian Terus (PO) / Tanggungan Kontrak (CO) telah selesai proses pembayaran	<u>Amaun berkurang bayar setelah pembayaran eP sempurna</u> Senario 1 : Pesanan kerajaan bagi Pembelian Terus (PO). PTJ mengeluarkan Pesanan Kerajaan eP RM1,000 bagi perkhidmatan katering. Pembekal tersilap kunci masuk invois eP amaun RM10 dan PTJ telah menyempurnakan pembayaran RM10 tersebut. Syarikat telah menuntut pembayaran bagi RM990 yang telah berkurang bayar. Adakah PTJ dibenarkan untuk terus membuat bayaran bagi baki yang berkurang bayar tersebut menggunakan Invois tanpa PT tanpa mendapat kelulusan daripada Pegawai Pengawal? Senario 2 : Tanggungan Kontrak bermasa (CO). PTJ mengeluarkan Tanggungan Kontrak (CO) bermasa bagi Perkhidmatan Katering berjumlah RM2,000. Pembekal tersilap kunci masuk amaun pada invois eP berjumlah RM200. PTJ telah menyempurnakan bayaran	Agensi perlu melaksanakan kaedah pembayaran Invois tanpa PT dengan kelulusan Pegawai Pengawal disebabkan bayaran telah disempurnakan di dalam sistem eP. Agensi adalah diingatkan supaya melaksanakan proses semakan yang lebih teliti bagi mengelakkan berlaku sebarang kesilapan.

BIL	PERKARA	PERTANYAAN	MAKLUM BALAS PEMILIK ARAHAN PERBENDAHARAAN / PEKELILING PERBENDAHARAAN BERKAITAN PEROLEHAN
		baki bayaran yang terkurang bayar kepada PTJ berjumlah RM1,800.00. Adakah PTJ dibenarkan untuk terus membuat bayaran bagi baki yang terkurang bayar tersebut menggunakan Invois Tanpa PT tanpa mendapat kelulusan daripada Pegawai Pengawal?	